

20/08/1998

Cukai: Pakar ekonomi setuju langkah kerajaan

CADANGAN kerajaan untuk tidak menaikkan cukai dalam Belanjawan Negara 1999, menurut ahli ekonomi, akan menyokong langkah fiskal dan kewangan yang diambil bagi pemulihan semula ekonomi.

Menurut mereka, dalam suasana ekonomi semasa, cadangan itu adalah tepat dan mampu membantu merangsang kegiatan ekonomi.

Walaupun tindakan itu mungkin menjurus kepada belanjawan defisit, namun kata mereka, defisit itu bukan sesuatu yang membimbangkan jika ia diguna untuk meningkatkan produktiviti.

Menurut Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohd Haflah Piei, cadangan kerajaan itu tepat serta bersesuaian dengan suasana ekonomi semasa.

"Ia memang sepatutnya" tegas beliau sambil menambah bahawa langkah itu adalah sebagai penyokong kepada langkah fiskal dan kewangan yang telah dan bakal diambil oleh kerajaan.

Beliau merujuk kepada pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan baru-baru ini termasuk pertambahan perbelanjaan pembangunan, penubuhan dana khusus bagi membantu sektor kewangan serta pendekatan polisi kadar faedah yang lebih seimbang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin berkata kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan cukai dalam belanjawan tahun depan yang akan dibentang di Dewan Rakyat Oktober ini.

Menekankan kepada cukai korporat, Dr Mohd Haflah menegaskan, jika dinaikkan ia bakal menjejaskan kesan positif yang mula kelihatan daripada pelaksanaan langkah fiskal dan kewangan itu.

Dua ahli ekonomi yang lain turut bersetuju dengan Dr Haflah.

"Cadangan itu mampu membantu menggalakkan kegiatan ekonomi," kata Prof Madya di Fakulti Ekonomi Universiti Malaya (UM), Dr Mahani Zainal Abidin.

Pensyarah Ekonomi Kewangan UM, Dr Tan Eu Chye pula berkata, kerana objektif negara kini adalah untuk merangsang semula ekonomi, dasar yang patut ditekankan kini perlu selaras dengan objektif berkenaan.

"Oleh kerana itu cadangan perdana menteri itu amat bertepatan sekali," tegas beliau sambil menambah bahawa soal pembiayaan bagi membiayai defisit yang bakal timbul adalah perkara kedua kerana objektif utama kini adalah pemulihan semula ekonomi.

(END)